

PERANAN INSTITUSI BENDAHARA DI PERAK (1528 – PASCAMERDEKA)
THE BENDAHARASHIP IN PERAK (1528 – POST-INDEPENDENCE)

Megat Iskandar Bin Megat Zaharuddin
Mardiana Binti Nordin*

Abdullah Zakaria Bin Ghazali

Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, MALAYSIA

***Corresponding Author: mardiana@um.edu.my**

Received:12 May 2025; Accepted: 11 December 2025

Abstrak

Artikel ini meneroka evolusi dalam peranan institusi bendahara di Perak sejak penubuhannya pada tahun 1528 sehingga kini. Perak adalah salah sebuah negeri di Malaysia yang masih mengekalkan institusi bendahara dengan peranan dan fungsinya diperuntukkan secara jelas di dalam Undang-Undang Tubuh Negeri Perak. Objektif kajian ini adalah untuk menelusuri sejarah institusi bendahara merentasi zaman dengan menumpukan kepada peranan dan keupayaannya untuk terus kekal relevan melalui arus pemodenan. Berdasarkan Kesultanan Melayu Melaka sebagai rujukan utama, artikel ini turut bertujuan membincangkan cabaran dan adaptasi jawatan bendahara merentasi zaman, termasuk semasa tempoh ketidakstabilan politik, pertikaian pewarisan takhta dan menghadapi pengaruh kuasa penjajah. Kajian ini penting dalam memahami peranan institusi bendahara dalam usaha mengekalkan kestabilan politik serta peranannya sebagai pemerintah interim apabila berlakunya kemangkatan Sultan atau takhta yang dikosongkan. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif berasaskan disiplin sejarah. Kajian kepustakaan dimanfaatkan bagi menganalisis sumber-sumber primer dan sekunder yang relevan dengan kajian. Tempoh kajian bermula sejak institusi kesultanan Perak diasaskan iaitu tahun 1528 sehinggalah pascamerdeka. Hasil kajian mendapati, peranan dan tanggungjawab bendahara di Perak telah melalui perubahan dari segi kedudukan kuasa politik dan kepimpinan dalam aspek ketenteraan, kemudian membawa kepada impak dalam era penjajahan dan seterusnya sebagai Ahli Rasmi Dewan Negara Perak. Hakikatnya, artikel ini memartabatkan fungsi bendahara Perak yang terbukti mempunyai ketahanan dan keupayaan mengadaptasi arus pemodenan dan kekal sebagai simbol warisan sejarah yang unik bagi negeri Perak.

Kata kunci: Perak, Bendahara, Undang-Undang Tubuh Negeri Perak, Dewan Negara

Abstract

This article explores the historical evolution of the institution of Bendahara in Perak since its establishment in 1528 to the present day. Perak is one of the few Malaysian states that has maintained the Bendahara institution, with its existence and functions explicitly outlined in the Perak State Constitution. The objective of this study is to trace the history of the Bendahara examining its role and ability to remain relevant in the face of modernisation. Using the Melaka Sultanate as the primary reference, this article analyses the Bendahara's functions and significance through its evolution throughout the years. It also addresses the challenges and

adaptations of the Bendaharaship over time, including periods of political instability, succession disputes and the influence of colonial powers. This study is important in understanding the role of the Bendahara institution in maintaining political stability as well as its role as an interim ruler when the Sultan dies or the throne is vacated. This study uses qualitative methods from the discipline of history. Library research is utilized to analyze primary and secondary sources relevant to the study. The study period begins with the founding of the Perak sultanate in 1528 until post-independence. The findings of the study show that the roles and responsibilities of the Bendahara in Perak changed in terms of political power and leadership, particularly in the military sphere. These changes later had an impact during the colonial period and continued into the post-independence era, when the position evolved into that of an Official Member of the Perak State Council. Ultimately, this article demonstrates the resilience and adaptability of the Bendaharaship as a symbol of Perak's rich historical and cultural heritage.

Keywords: *Perak, Bendahara, Perak State Constitution, Dewan Negara*

Pengenalan

Jawatan bendahara adalah salah satu institusi warisan sistem pemerintahan kerajaan Melayu yang telah diamalkan sejak zaman dahulu sehingga ke hari ini melalui adaptasi dan evolusi sosio-politik setempat. Sebagai warisan kesinambungan Kesultanan Melayu Melaka, negeri Perak adalah salah sebuah negeri di Malaysia yang masih mengekalkan institusi bendahara dengan memperuntukkan kewujudan dan fungsinya secara terperinci di dalam Undang-Undang Tubuh Negeri Perak.¹ Artikel ini akan menelusuri sejarah dengan melihat evolusi institusi bendahara dari segi peranannya serta kemampuannya untuk kekal relevan mengharungi arus pemodenan dari dulu, kini dan di masa hadapan.

Institusi bendahara berakar umbi dari sistem politik tradisional Alam Melayu yang mana tadbir urus sesuatu kerajaan Melayu itu bertunjangkan individu yang memegang jawatan bendahara. Rujukan yang paling berwibawa dan sahih mengenai institusi ini boleh dilihat pada pengalaman Kesultanan Melayu Melaka di mana tidak kira siapa pun yang menjadi sultan atau raja atau juga Yang Dipertuan, bendahara yang menjadi ketua kerajaan yang sebenar. Peranan ini adalah mirip kepada fungsi ketua kerajaan pada masa kini seperti jawatan Perdana Menteri. Namun, kuasa dan peranan seorang bendahara melangkaui apa yang dijalankan oleh seorang Perdana Menteri pada hari ini.²

Kajian dan penulisan ilmiah mengenai institusi bendahara di Perak khususnya, dan di Alam Melayu umumnya pernah dilakukan oleh beberapa sarjana sebalum ini. Namun, tidak ada satu kajian yang memperincikan secara menyeluruh perihal institusi bendahara tersebut. Karya yang paling mendalam kajiannya mengenai institusi bendahara adalah yang ditulis oleh Tun Suzana Tun Othman dalam siri buku-buku sejarah, namun berkait dengan institusi bendahara di Pahang yang mewarisi keberadaan institusi bendahara di Johor dan Melaka. Rujukan mengenai institusi bendahara di alam Melayu juga dapat diamati melalui karya *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)*³ yang menceritakan tentang asal usul jawatan bendahara serta peranan dan martabat di dalam struktur sosial dan politik zaman tradisi.

Bagi aspek institusi bendahara di negeri Perak, kajian yang dibuat oleh sarjana Barat yang menceritakan secara terperinci dapat dirujuk dalam buku berjudul *Papers on Malay Subjects*⁴ karangan Wilkinson. Seterusnya, huraian yang lebih terperinci dibuat oleh Winstedt

dan juga Wilkinson di dalam karya mereka berjudul *History of Perak*.⁵ Sarjana tempatan pula yang menyentuh tentang institusi bendahara adalah M.A. Fawzi Basri melalui karyanya *Cempaka Sari: Sejarah Kesultanan Negeri Perak*.⁶ Penulisan ini menyelusuri evolusi peranan sistem pembesar dari zaman dahulu sehingga ke zaman moden yang diterjemahkan melalui penubuhan Dewan Negara Perak sebagaimana yang diperuntukkan dalam *Undang-Undang Tubuh Negeri Perak* Fasal Kedua.

Kajian yang lebih mutakhir yang menyentuh tentang institusi bendahara di Perak adalah *Umpama Sebuah Bahtera*⁷ karya Jelani Harun dan juga *Titles and Ceremonial Traditions of the Royalty and Nobility of the State of Perak*⁸ karangan Adib Vincent Tung. Walau bagaimanapun, karya Adib Vincent Tung kurang berwibawa untuk dijadikan rujukan sejarah kerana terdapat banyak kekhilafan di dalam fakta-fakta sejarah dari segi perjawatan dan pewarisan. Namun, karya tersebut amatlah baik untuk dirujuk bagi topik protokol.

Secara umumnya, kajian-kajian dan karya-karya ilmiah yang dibuat sebelum ini hanya menyentuh secara umum atau sepintas lalu mengenai institusi bendahara di Perak dan bukan merupakan satu kajian mendalam khusus tentang peranan dan ketahanan institusi tersebut. Artikel ini bertujuan untuk mengetengahkan satu kajian yang lebih mendalam tentang institusi bendahara di negeri Perak yang merupakan satu warisan dari zaman kesultanan Melaka dan merentasi zaman dengan evolusi dari tahun 1528 hingga ke hari ini.

Institusi Bendahara di Perak

Di negeri Perak, jawatan bendahara telah diwujudkan sejak penubuhan Kesultanan Melayu Perak pada tahun 1528. Dalam usaha pembentukan sistem berkerajaan negeri Perak, Sultan Muzaffar Shah I (1528-1549) telah melantik saudara baginda, Tun Mahmud Seri Agar Diraja sebagai bendahara Perak yang pertama.⁹ Namun, pelantikan ini tidak disenangi oleh adinda baginda, Sultan Alauddin Riayat Shah, Johor (1528-1564).¹⁰ Sultan Alauddin beranggapan bahawa Johor adalah pewaris kesinambungan kedaulatan empayar Melaka dan waris kekerabatan Melaka seharusnya berkhidmat dengan kerajaan Johor dan bukannya kerajaan Perak yang baru sahaja ditubuhkan.

Apabila Tun Mahmud meletak jawatan dan kembali ke Johor,¹¹ berlaku kekosongan jawatan bendahara lalu mengakibatkan satu vakum politik di negeri Perak. Tanpa seorang bendahara yang berwibawa, kestabilan politik negeri Perak boleh terancam. Keadaan menjadi lebih merunsingkan apabila berlaku perselisihan antara Sultan Muzaffar Shah I dengan pembesar tempatan yang merupakan penduduk asal negeri Perak. Akhirnya, sebagai balasan kepada usaha menyelesaikan konflik antara baginda dan pembesar tempatan, seorang putera raja dari Pagaruyung bernama Megat Terawis telah dilantik memenuhi jawatan bendahara Perak yang telah dikosongkan oleh Tun Mahmud sebelumnya.¹² Sejak itu, jawatan bendahara telah menjadi jawatan warisan eksklusif bagi kerabat dan keturunan Megat Terawis di negeri Perak.

Selama lebih kurang dua abad, jawatan bendahara kerajaan Perak telah diwarisi secara turun temurun oleh individu dari keturunan Megat Terawis. Namun, pada zaman pemerintahan Sultan Iskandar Zulkarnain Shah (1752-1765) (Sultan Perak yang ke-15), berikutan perletakan jawatan Megat Abu Kassim¹³ sebagai bendahara Perak, baginda Sultan telah melantik adindanya, Raja Alauddin sebagai bendahara kerajaan Perak yang baharu.¹⁴ Sejak pelantikan tersebut, jawatan bendahara Perak dijadikan satu jawatan eksklusif bagi kerabat diraja Perak.

Keadaan ini berterusan sehinggalah pada ketika *Undang-Undang Tubuh Negeri Perak* dimasyhurkan pada tahun 1953¹⁵ di mana diperuntukkan bahawa apabila penyandang semasa jawatan Duli Yang Amat Mulia Raja Bendahara Perak mengosongkan jawatan tersebut sama ada akibat kenaikan pangkat atau pun kemangkatan, maka jawatan tersebut terhapus dan diubah kembali kepada jawatan yang boleh disandang oleh mana-mana rakyat Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak dengan gelaran rasmi yang baharu iaitu Orang Kaya Bendahara Seri Maharaja.

Pada tahun 1958, penyandang terakhir jawatan Duli Yang Amat Mulia Raja Bendahara Perak iaitu Raja Abdul Rashid Ibni Almarhum Sultan Idris Rahmatullah Shah mangkat. Sejak itu, seramai empat orang tokoh yang telah menyandang jawatan Orang Kaya Bendahara Seri Maharaja Perak pada era moden. Mereka adalah Tan Sri Dato' C M Yusof,¹⁶ Tan Sri Osman Talib,¹⁷ Tun Syed Zahiruddin Bin Syed Hassan¹⁸ dan penyandang terkini iaitu Jen (B) Tan Sri Mohd Zahidi Bin Zainuddin.¹⁹

Warisan daripada amalan dan tradisi dari zaman Kesultanan Melayu Melaka menunjukkan bahawa bendahara adalah kepala segala Orang Besar dan mengetuai pentadbiran kerajaan. Martabat jawatan ini yang begitu tinggi tercatat dalam *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)*²⁰ di mana, dalam keadaan raja pemerintah tidak ada, maka para pembesar perlu menghadap bendahara. Perkara yang lebih ketara, bendahara tidak akan turun memberikan hormat kepada mana-mana anak raja kecuali 'Bakal Ganti Kerajaan'.²¹ Amalan ini telah diwarisi dan diamalkan di dalam Kesultanan Melayu Perak apabila diwujudkan jawatan bendahara sejak zaman Sultan Muzaffar Shah I lagi.

Bukti amalan ini boleh dilihat ketika zaman pra-British, peranan Bendahara begitu ketara khususnya apabila ketiadaan Sultan. Pada zaman British dan pra-kemerdekaan, susunan kekananan Raja Bendahara lebih tinggi daripada semua anak-anak raja, kecuali waris ganti iaitu Raja Muda. Di zaman pasca-kemerdekaan pula, peranan Bendahara sebagai ketua bagi ahli-ahli rasmi Dewan Negara menunjukkan kesinambungan tradisi kekanan jawatan Bendahara di kalangan kerabat diraja dan pembesar.

Peranan bendahara sebagai jawatan utama pentadbiran kerajaan Perak terserlah apabila negeri ini mengharungi perubahan merentasi zaman, jawatan sultan dan bendahara adalah jawatan yang wajib diisi pada bila-bila masa.²² Jawatan-jawatan utama yang lain lazimnya masih boleh ditangguhkan pelantikan tetapi tidak jawatan bendahara dan sultan. Pengisian dua jawatan ini perlu segera dan penting kerana bagi sesebuah kerajaan Melayu untuk berfungsi, dua jawatan tersebut menjadi tonggak perjalanan kerajaan dan kestabilannya.²³ Masalah yang boleh timbul misalnya boleh dilihat ketika kesultanan Perak baru ditubuhkan dan Tun Mahmud Seri Agar Diraja dilantik sebagai bendahara Perak. Akan tetapi, Tun Mahmud kemudian telah dipanggil untuk berkhidmat ke negeri Johor, maka terjadi kekosongan jawatan bendahara di Perak. Kekosongan jawatan bendahara bagi tempoh yang lama ekoran kelambatan ia diisi ternyata membuka ruang kepada ketidakstabilan negeri. Akhirnya, dengan pelantikan Megat Terawis sebagai bendahara yang baharu, kerajaan Perak kembali berfungsi.²⁴

Satu lagi insiden yang menunjukkan pentingnya jawatan bendahara di dalam kerajaan Perak apabila Perak mencari sultan yang baharu selepas serangan Aceh pada tahun 1619.²⁵ Setelah Perak ditakluk oleh Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam, Aceh (1607-1636), sultan Perak pada ketika itu (Sultan Mukaddam Shah) dan seluruh kerabat diraja serta para pembesar Perak telah ditawan dan dibawa ke Aceh. Namun, terdapat beberapa pembesar yang tidak

ditawan dan kekal di Perak.²⁶ Oleh itu, para pembesar tersebut telah bersepakat untuk mengangkat sultan yang baharu tetapi mereka saling bercanggah tentang calon pilihan masing-masing. Akhirnya, terbentuk dua delegasi iaitu satu delegasi telah pergi ke Johor dan satu lagi delegasi telah pergi ke Aceh. Kedua-dua delegasi ini menghadap sultan Johor dan sultan Aceh, memohon perkenan untuk menghantar seorang putera diraja Perak supaya boleh diangkat menjadi sultan Perak. Sultan Johor memperkenankan Raja Mansur iaitu adinda Sultan Alauddin Shah (1594-1603)(Sultan Perak ke-5) untuk dijadikan sultan Perak yang baharu.²⁷

Delegasi yang menghadap sultan Aceh pula telah diperkenankan untuk merajakan Raja Yusuf Bongsu²⁸ iaitu adinda kepada Sultan Mukaddam Shah (1603-1619) (Sultan Perak ke-6). Justeru, bagi mengelakkan tentangan daripada pihak yang menaikkan calon yang dicadangkan oleh sultan Johor, Sultan Aceh telah menghantar tentera untuk mengiringi Raja Yusuf Bongsu dan melantik Paduka Raja²⁹ sebagai Bendahara Perak yang baharu. Apabila tiba di Perak, Raja Mansur yang waktu itu sudah bergelar Sultan Mansur Shah bertindak mengundurkan diri dan memberi laluan kepada Raja Yusuf Bongsu menaiki takhta dengan gelaran Sultan Mahmud Shah. Ternyata, strategi sultan Aceh menghantar bukan sahaja calon sultan tetapi mengangkat bendahara dalam menetapkan pemerintahan yang baharu di negeri Perak berhasil kerana tanpa bendahara, kerajaan yang ditubuhkan seolah-olah tidak sempurna.

Kepentingan untuk melantik bendahara demi menjaga kestabilan politik kerajaan juga dapat dilihat pada insiden perletakan jawatan Bendahara Megat Abu Kassim ketika era pemerintahan Sultan Iskandar Zulkarnain Shah. Dari segi rekod sejarah, individu yang selayaknya dilantik bagi menggantikan Bendahara Megat Abu Kassim³⁰ adalah adinda sultan iaitu Raja Alauddin.³¹ Namun, sebelum pelantikan dibuat, baginda sultan telah melantik Syed Abu Bakar Jamalullail³² menjadi pemangku bendahara terlebih dahulu sementara menunggu pelantikan bendahara yang baharu dilakukan.

Situa ini menunjukkan kematangan sultan dalam menjalankan pemerintahan di mana jawatan utama seperti bendahara tidak boleh dibiarkan kosong. Walau pun baginda sudah ada calon untuk mengisi kekosongan tersebut, seorang pemangku bendahara dilantik terlebih dahulu bagi memastikan kestabilan politik dalam negeri Perak dan pentadbiran tidak terputus. Seperkara, sejak pelantikan Raja Alauddin sebagai bendahara, telah ditetapkan bahawa penyandang jawatan Bendahara mestilah disandang oleh individu dalam kalangan kerabat diraja Perak dan seterusnya jawatan tersebut dikenali dengan gelaran Raja Bendahara.³³

Pada zaman pemerintahan Sultan Abdullah Muazzam Shah (1825-1830) (Sultan Perak ke-20), ketika bendahara baginda iaitu Raja Bendahara Radin³⁴ pergi ke Ligor atas urusan diplomatik, Raja Kecil Sulung Idris³⁵ telah dilantik sebagai bendahara.³⁶ Beliau hanya melepaskan jawatan tersebut selepas pulangnya Raja Radin ke Perak, dan yang paling mutakhir sebelum zaman penjajahan British, pada tahun 1871 apabila Raja Bendahara Ismail diangkat oleh para pembesar sebagai sultan Perak yang ke-25. Perkara pertama yang dilakukan oleh baginda adalah melantik bendahara yang baharu iaitu Raja Osman.³⁷ Contoh-contoh di atas menunjukkan bahawa jawatan bendahara tersebut hampir mustahil untuk dibiarkan kosong pada masa yang panjang. Malah sesiapa yang memegang tampuk pemerintahan akan memastikan ada individu yang memegang portfolio ini semasa pemerintahan baginda untuk memastikan pentadbiran berjalan lancar.

Selain daripada kepentingan dari segi tadbir urus dan kestabilan politik, peranan seorang bendahara pada zaman kesultanan Melayu adalah untuk mengetuai angkatan perang. Peranan ini sebenarnya memberikan sudut pandang yang berbeza bagi pendapat yang

mengatakan bahawa jawatan bendahara itu adalah seolah-olah mirip dengan peranan seorang Perdana Menteri pada hari ini. Contohnya penglibatan bendahara sebagai kepala perang dalam kerajaan Melayu zaman dahulu seperti Bendahara Paduka Raja Tun Perak yang mengetuai angkatan perang Melaka menentang Siam.³⁸ Peranan sebagai kepala perang turut diwarisi para penjawat bendahara di negeri Perak seperti yang berlaku dalam beberapa insiden seperti serangan terhadap Kota Belanda,³⁹ penentangan Raja Bernam⁴⁰ dan Perang di Bukit Gantang.⁴¹ Peranan begini sudah tentu tidak dilaksanakan oleh Perdana Menteri hari ini.

Seterusnya, peranan bendahara yang begitu signifikan sejak zaman berzaman adalah ketika kemangkatan seseorang raja pemerintah di mana secara lumrahnya, bendahara memangku peranan sultan sehinggalah pelantikan sultan yang baharu dilakukan. Lebih penting, pemangkuan ini diterima umum oleh anak-anak raja, pembesar dan rakyat. Peranan ini dilihat sebagai pengimbang kuasa demi kesinambungan kerajaan di mana peranan raja pemerintah tetap dijalankan dan urusan pewarisan takhta dalam kalangan waris ganti dikelolakan oleh bendahara yang diberi kuasa tertinggi ketika ketiadaan sultan.⁴²

Malahan, terdapat situasi bendahara yang menggantikan kedudukan raja apabila tiada waris yang layak. Contohnya, peristiwa selepas pembunuhan Sultan Mahmud Mangkat Dijulang, Johor (1685-1699)⁴³ dapat dijadikan satu rujukan di mana bendahara diangkat menjadi sultan menggantikan baginda yang tiada berputera. Selain itu, amalan dan peranan bendahara sebagai pemerintah interim dapat dilihat dalam kes di Perak iaitu ketika zaman Marhum Sayong⁴⁴ dan juga pada tahun 1871 ketika kemangkatan Sultan Ali.⁴⁵ Dalam kedua-dua insiden ini, bendahara pada ketika itu menjalankan kuasa yang telah termaktub dalam amalan turun temurun dengan memegang tampuk pemerintahan dan menjalankan kuasa raja pemerintah apabila sultan mangkat tanpa adanya waris ganti.

Kewibawaan seseorang bendahara dalam negeri Perak dapat dilihat pada bagaimana penyandanganya diberi kepercayaan oleh baginda sultan untuk menerajui bukan sahaja pentadbiran kerajaan sebagai kepala Orang-Orang Besar tetapi juga diamanahkan tanggungjawab mengelolakan transisi peralihan kuasa dan pewarisan takhta apabila mangkatnya sultan kelak. Hal ini dapat dilihat dari zaman jawatan bendahara disandang oleh para keturunan Megat Terawis, pewarisan takhta dipastikan mengikut adat dan kehendak raja pemerintah sebelumnya.⁴⁶

Sejak zaman pemerintahan Sultan Iskandar Zulkarnain Shah, sultan Perak yang ke-15, jawatan bendahara dikhususkan dalam kalangan kerabat diraja Perak, selain peranan bendahara sebagai pemangku kerajaan di samping mengelolakan pelantikan sultan yang baharu, ia juga diteruskan. Namun, disebabkan para penyandang mempunyai kepentingan untuk menaiki takhta di masa akan datang, kebarangkalian berlakunya manipulasi perjawatan adalah ketara. Sebagai contoh, apabila Sultan Ahmaddin Shah (1786-1806) (Sultan Perak ke-18) mangkat tanpa melantik Raja Muda yang baharu, berlaku pertembungan antara Raja Bendahara Mahmud (Marhum Sayong) dan Sultan Muda⁴⁷.

Pada zaman pemerintahan Sultan Abdullah Muhammad Shah I (1851-1857) (Sultan Perak ke-22),⁴⁸ Raja Ismail⁴⁹ telah dilantik menjadi bendahara menggantikan Raja Alang Iskandar Shah⁵⁰ bagi memberi pengimbangan pengaruh. Dalam hal ini bendahara yang tidak mempunyai kepentingan kepada takhta akan lebih bertanggungjawab dan berwibawa ketika menjalankan tugas sebagai bendahara. Raja Ismail diberi kepercayaan untuk berkhidmat sebagai Bendahara untuk tiga orang Sultan. Dan seperti yang telah diketahui umum, Raja Ismail telah diangkat menjadi sultan Perak oleh para pembesar selepas kemangkatan Sultan Ali

apabila Raja Muda gagal untuk hadir ke istiadat permakaman menyebabkan para pembesar menunggu begitu lama untuk menguruskan jenazah Almarhum Sultan Ali.

Dalam era moden, jawatan bendahara Perak mula terkesan sejak bermulanya pentadbiran penjajah British di Perak. Selepas kemangkatan Raja Bendahara Osman pada tahun 1876, tidak ada sebarang pelantikan jawatan bendahara dibuat sehinggalah pada zaman pemerintahan Sultan Idris Murshidul Azam Shah (1887-1916) (Sultan Perak ke-28).⁵¹ Sejak itu sehingga tahun 1953, jawatan bendahara dianggap sebagai bakal Raja Muda.⁵² Akan tetapi, peranan sebagai ketua bagi segala Orang Besar dan pemangku sultan ketika ketiadaan baginda tetap diteruskan dan diamalkan.

Pada setiap insiden kemangkatan sultan, sejarah telah merekodkan bahawa Raja Bendahara memainkan peranan sebagai peneraju utama dalam urusan kerajaan dan memainkan peranan sebagai pemangku pemerintah sehingga pelantikan sultan yang baharu. Peranan ini lebih menyerlah selepas kemerdekaan Tanah Melayu pada tahun 1957 di mana kesemua pemangkuan dan pengelolaan pelantikan sultan yang baharu diterajui secara mutlak oleh bendahara tanpa sebarang campur tangan pihak luar.⁵³

Jika dilihat dari segi perbandingan peranan bendahara pada zaman tradisional dengan peranan bendahara pada era moden, hanya peranan sebagai ketua angkatan tentera sahaja yang tidak lagi diteruskan pada masa kini. Peranan sebagai ketua pentadbir kerajaan negeri pula diambil alih oleh jawatan ketua kerajaan yang sandang oleh YAB Menteri Besar. Namun, sebagai kepala Orang Besar dan Ahli Dewan Negara Perak, peranan dan sumbangan bendahara Perak tetap diteruskan secara rasmi walau pun tidak menyeluruh seperti zaman dahulu.⁵⁴

Yang pasti, peranan sebagai pemangku sultan ketika ketiadaan sultan tetap diamalkan sehingga ke hari ini. Lebih tepat dan jelas lagi, apabila berlaku kekosongan jawatan sultan, walaupun terdapat penyandang bakal-bakal sultan, Perlembagaan Negeri Perak telah memperuntukkan bahawa bendahara berkuasa menjalankan tugas-tugas sebagai raja pemerintah negeri Perak sehingga pelantikan sultan yang baharu. Dengan erti kata lain, kuasa dan peranan bendahara diiktiraf pada hari ini melalui perundangan dan berdasarkan peruntukan ini, secara realitinya, apabila tiada sultan, bendahara adalah Ketua Negeri bagi negeri Perak.⁵⁵

Sejak dimasyhurkan *Undang-Undang Tubuh Negeri Perak* 1953, institusi bendahara bukan sahaja dikekalkan dari segi perjawatan tetapi diperuntukkan peranan dan fungsinya di dalam satu badan yang dikenali sebagai Dewan Negara⁵⁶ di mana sebagai salah seorang penyandang jawatan Orang Besar Empat, melayakkan dirinya sebagai ahli rasmi. Penubuhan Dewan Negara adalah bertujuan untuk mengekalkan tradisi dan kesinambungan peranan Orang-Orang Besar negeri Perak dalam menjalankan pemerintahan dan menasihati Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan. Dengan termaktubnya klausa mengenai Dewan Negara dan peranan bendahara di era moden, ia memastikan institusi yang berakar umbi dari sistem Kerajaan Kesultanan Melayu Melaka diteruskan bagi tahun-tahun yang mendatang.

Kesimpulan

Institusi bendahara di Perak bukan sekadar suatu warisan peninggalan sejarah tetapi ia adalah satu lambang kesinambungan satu institusi yang utuh yang jelas terbukti keupayaannya untuk berevolusi dan beradaptasi pada arus pemodenan. Sejarah telah membuktikan bahawa institusi bendahara di Perak telah mengalami beberapa transformasi yang telah mencerminkan

landskap politik semasa dan tuntutan masyarakat yang berubah-ubah mengikut peredaran zaman. Daripada sebuah jawatan berkuasa eksekutif dengan fungsi pentadbiran dan kepimpinan ketenteraan, jawatan bendahara Perak kini telah diabadikan kewujudan dan fungsinya melalui peruntukan yang jelas di dalam *Undang-Undang Tubuh Negeri Perak* agar ianya kekal relevan dan berpengaruh.

Ketahanan institusi ini amat ketara dapat di lihat dalam peristiwa-peristiwa bersejarah di mana ianya mengharungi tempoh pergolakan yang pelbagai. Ini termasuklah ketidakstabilan politik, pertikaian pewarisan takhta, campur tangan kuasa luar dan penjajahan. Walau apa pun jua keadaan yang dilalui, bendahara berfungsi sebagai kuasa penstabil bagi memastikan kesinambungan kerajaan dan kesultanan negeri Perak. Peristiwa-peristiwa bersejarah juga membuktikan bahawa kegagalan menguruskan perjawatan yang melibatkan bendahara memberi impak yang negatif kepada kestabilan negeri Perak.

Institusi bendahara di Perak jelas diamalkan dan diteruskan walaupun berlaku perubahan rejim pemerintahan sama ada secara pemerintahan tradisional Melayu mahu pun pemerintahan di bawah pengaruh penjajah asing serta sistem pentadbiran kerajaan selepas merdeka yang berteraskan tadbir urus moden. Walau pun arus pemodenan tidak dapat dielakkan, kepentingan simbolik dan warisan sejarah, institusi bendahara kekal tidak berkurangan. Ini terbukti dengan tertubuhnya Dewan Negara Perak melalui *Undang-Undang Tubuh Negeri Perak* di mana peranan Bendahara kekal relevan bagi memastikan kesinambungan tradisi dalam kesultanan Perak.

Bagi generasi di masa hadapan, institusi bendahara di Perak menjadi satu peringatan yang kuat tentang identiti dan budaya anak-anak Perak yang kaya dengan warisan yang unik. Dengan termaktubnya peranan institusi bendahara di Perak dalam pentadbiran kerajaan, tadbir urus negeri Perak akan lebih berkesan di mana pemodenan dan warisan bergerak seiringan dan tidak diabaikan. Kriteria penyandang yang telah ditetapkan secara perundangan juga memastikan bahawa sesiapa sahaja menyandang jawatan bendahara Perak adalah seorang pemimpin yang berpengaruh dan berwibawa, selaras dengan amalan turun-temurun institusi bendahara itu sendiri.

Secara kesimpulannya, institusi bendahara di Perak merupakan satu adaptasi kesinambungan institusi tradisional menelusuri arus perubahan masa dan era pemodenan. Evolusi institusi ini yang bermula sebagai satu jawatan eksklusif secara turun temurun berubah menjadi jawatan eksklusif kerabat diraja dan seterusnya menjadi jawatan utama Orang Besar yang terbuka kepada mana-mana rakyat sultan Perak yang berwibawa dan berpengaruh, telah memastikan bahawa institusi ini akan kekal relevan, sesuai dengan peredaran zaman. Institusi bendahara di negeri Perak kekal menjadi satu simbol warisan yang kaya dengan nilai sejarah demi jati diri anak bangsa di masa hadapan.

Penghargaan

Penulis merakamkan setinggi penghargaan kepada sidang editor jurnal *Sejarah* yang banyak membantu dan memberi kerja sama dalam proses penerbitan makalah ini. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya atas peluang penerbitan yang diberikan.

Biodata Penulis

Megat Iskandar bin Megat Zaharuddin (megat.xiv@gmail.com) merupakan calon Doktor Falsafah di Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

*Dr. Mardiana binti Nordin (mardiana@um.edu.my) (corresponding author) merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Profesor Emeritus Datuk Dr. Abdullah Zakaria bin Ghazali (azdha@um.edu.my) merupakan Profesor Emeritus di Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Nota

¹ *Laws of the Constitution of Perak Darul Ridzuan, Part II* (1953), Fasal VI, XX, XXXIII, XXXVIII, LXIII, Commissioner of Law Revision, 2008.

² Tun Suzana Tun Hj Othman, *Institusi Bendahara: Permata Melayu Yang Hilang*, Kuala Lumpur: Pustaka BSM Enterprise, 2002, hlm. 10.

³ Muhammad Haji Salleh, dikaji dan diperkenalkan, *Sejarah Melayu (Sulalatus Salatin)*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2017, hlm. 20-30.

⁴ R.J. Wilkinson, *Papers on Malay Subjects*, Kuala Lumpur: FMS Government Press, 1908.

⁵ R.O. Winstedt & R.J. Wilkinson, *A History of Perak*, Singapura: Press Limited, 1934.

⁶ M.A. Fawzi Basri, *Cempaka Sari: Sejarah Kesultanan Negeri Perak*, Ipoh: Yayasan Perak, 1986, hlm. 137-185.

⁷ Jelani Harun, *Umpama Sebuah Bahtera*; Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, 2011.

⁸ Adib Vincent Tung, *Titles and Ceremonial Traditions of the Royalty and Nobility of the State of Perak*, Ipoh: Perak Academy, 2018.

⁹ M.A. Fawzi Basri, *Cempaka Sari: Sejarah Kesultanan Negeri Perak*, hlm. 16.

¹⁰ R.O. Winstedt & R.J. Wilkinson, *A History of Perak*, hlm. 28-31.

¹¹ M.A. Fawzi Basri, *Cempaka Sari: Sejarah Kesultanan Negeri Perak*, hlm. 16.

¹² Megat Iskandar bin Megat Zaharuddin, "Tun Saban: Warisan dan Kaitannya dengan Salasilah Pembesar Perak", *Purba*, Jurnal Persatuan Muzium Malaysia, Bil. 36, 2017, hlm. 59.

¹³ Buyong Adil, *Sejarah Perak*; Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1979, hlm. 32.

¹⁴ Ibid., hlm. 33.

¹⁵ *Laws of the Constitution of Perak Darul Ridzuan, Part II* (1953), Commissioner of Law Revision, 2008.

¹⁶ Chik Muhammad Yusuf Bin Sheikh Abdul Rahman, ibunya adalah anak kepada Orang Kaya-Kaya Panglima Kinta Kulop Muhammad Yusuf. Beliau merupakan Yang Dipertua Dewan Rakyat, Parlimen Malaysia (1964-1974). Beliau dilantik menjadi Bendahara Perak pada tahun 1959 setelah kemangkatan Raja Bendahara Abdul Rashid pada tahun 1958. Rujuk, M.A. Fawzi Fasri, *Cempaka Sari: Sejarah Kesultanan Negeri Perak*, hlm. 247.

¹⁷ Osman Bin Talib adalah bekas Ketua Menteri Melaka (1957-1959) dan mantan Pengerusi Lembaga Letrik Negara (1966). Beliau menyandang jawatan Orang Kaya Bendahara Seri Maharaja Perak dari 1975 hingga 1984. Rujuk, *Watikah Pemasyhuran DYMM Paduka Seri Sultan Perak XXXIV* (3 Februari 1984), Istana Iskandariah, Kuala Kangsar.

¹⁸ Syed Zahiruddin Bin Syed Hassan adalah mantan Tuan Yang Terutama Yang Dipertua Negeri Melaka (1976-1984) dan mantan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (1969-1972). Beliau menyandang jawatan Orang Kaya Bendahara Seri Maharaja Perak dari 1984 hingga 2013. Rujuk, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah (23 April 2013) – *Titah DYMM Pemangku Raja Perak di Mesyuarat Khas Dewan Negara Perak*. <https://sultannazrinshah.com/mesyuarat-khas-dewan-negara-perak/>

¹⁹ Beliau merupakan mantan Panglima Angkatan Tentera Malaysia (1999-2005). Rujuk, Rujuk, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah (23 April 2013) – *Titah DYMM Pemangku Raja Perak di Mesyuarat Khas Dewan Negara Perak*. <https://sultannazrinshah.com/mesyuarat-khas-dewan-negara-perak/>

²⁰ Muhammad Haji Salleh, dikaji dan diperkenalkan, *Sejarah Melayu (Sulalatus Salatin)*, hlm. 20-30.

²¹ A Samad Ahmad, *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2003, hlm. 44-45.

- ²² Di bawah sultan, dua jawatan utama adalah Raja Muda dan Bendahara. Namun, jawatan Raja Muda berperanan sebagai ketua anak-anak Raja dan dianggap waris ganti kepada sultan. Disebabkan ketiadaan peranan dalam pentadbiran kerajaan, jawatan Bendahara dianggap lebih penting demi kesinambungan kerajaan. Rujuk, Megat Iskandar bin Megat Zaharuddin, *The Sultanate of Perak Based on the Genealogical Manuscript Maxwell 24*, Disertasi Sarjana, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2018, hlm. 156-160.
- ²³ Sultan Nazrin Muizzuddin Shah (23 April 2013) – *Titah DYMM Paduka Seri Sultan Perak di Mesyuarat Khas Dewan Negara Perak*. <https://sultannazrinshah.com/mesyuarat-khas-dewan-negara-perak/>
- ²⁴ M A. Fawzi Basri, *Cempaka Sari: Sejarah Kesultanan Negeri Perak*, hlm. 16.
- ²⁵ Buyong Adil, *Sejarah Perak*, hlm. 12.
- ²⁶ Megat Iskandar Bin Megat Zaharuddin & Raja Khuzairie Azaham bin Raja Azaham, *Salasilah Raja-Raja Perak*, Kuala Lumpur: Persatuan Darul Ridzuan, 2024, hlm. 8-9 (MS 24) & hlm. 75 (MS 105)
- ²⁷ Ibid.
- ²⁸ Raja Yusuf Bongsu adalah adinda kepada Sultan Mukaddam Shah (Raja Tua) (1603-1619). Rujuk, Megat Iskandar Bin Megat Zaharuddin & Raja Khuzairie Azaham bin Raja Azaham, *Salasilah Raja-Raja Perak*, Kuala Lumpur: Persatuan Darul Ridzuan, 2024, hlm. 8-9.
- ²⁹ Paduka Raja yang dicatatkan adalah Megat Abdullah yang juga disebut Bendahara Garang. Rujuk, Putri Zanina binti Megat Zainuddin, *Megat Terawis, Orang Kaya Bendahara Paduka Raja of Perak: Journey to Our Roots*, Kuala Lumpur: Persatuan Keturunan Megat Terawis Malaysia, 2016, hlm. 100.
- ³⁰ Megat Abu Kassim juga dikenali dengan gelaran Bendahara Hilang Di Teluk. Rujuk Putri Zanina binti Megat Zainuddin, *Megat Terawis, Orang Kaya Bendahara Paduka Raja of Perak: Journey to Our Roots*, hlm. 97.
- ³¹ Raja Alauddin juga bergelar Raja Kecil Sulung dan ketika menjadi bendahara dikenali dengan gelaran Bendahara Penyengat Hitam. Beliau kemudian menjadi Raja Muda dan akhirnya menaiki takhta sebagai Sultan Alauddin Riayat Shah Iskandar Muda (1773-1786) (Sultan Perak yang ke-17). Rujuk Megat Iskandar bin Megat Zaharuddin, *The Sultanate of Perak Based on the Genealogical Manuscript Maxwell 24*, hlm. 33.
- ³² Syed Abu Bakar sebelum itu bergelar Orang Kaya Menteri. Beliau kemudian dikenali sebagai Orang Kaya Bendahara Menteri. Rujuk, Megat Iskandar bin Megat Zaharuddin, *The Sultanate of Perak Based on the Genealogical Manuscript Maxwell 24*, hlm. 37.
- ³³ M A. Fawzi Basri, *Cempaka Sari: Sejarah Kesultanan Negeri Perak*, hlm. 247
- ³⁴ Nama penuh beliau adalah Raja Radin Ibni Raja Mahmud Ibni Raja Ibrahim Ibni Sultan Mahmud Din Shah. Rujuk, Megat Iskandar Bin Megat Zaharuddin & Raja Khuzairie Azaham Bin Raja Azaham, *Salasilah Raja-Raja Perak*; hlm. 19.
- ³⁵ Nama penuh beliau adalah Raja Idris Ibni Raja Ismail Ibni Raja Abdul Rahman Ibni Sultan Alauddin Mughayat Shah. Inilah tokoh yang makamnya terletak di Tepus, Perak di mana pihak berwajib telah membuat papan tanda yang salah dengan mengatakan bahawa makam tersebut adalah milik Raja Sulung putera Sultan Ismail yang kebetulan bersemayam di Belanja, berdekatan dengan Tepus. Rujuk Megat Iskandar Bin Megat Zaharuddin & Raja Khuzairie Azaham Bin Raja Azaham, *Salasilah Raja-Raja Perak*; hlm. 21.
- ³⁶ Megat Iskandar bin Megat Zaharuddin, *The Sultanate of Perak Based on the Genealogical Manuscript Maxwell 24*, hlm. 46.
- ³⁷ Ibid., hlm. 62.
- ³⁸ Muhammad Haji Salleh, dikaji dan diperkenalkan, *Sejarah Melayu (Sulalatus Salatin)*, hlm. 73-75.
- ³⁹ Serangan ini diketuai oleh Bendahara Besar Megat Shuib terhadap VOC di Kota Belanda, Perak. Rujuk Putri Zanina binti Megat Zainuddin, *Megat Terawis, Orang Kaya Bendahara Paduka Raja of Perak: Journey to Our Roots*, hlm. 91-92.
- ⁴⁰ Dalam peristiwa ini, Raja Bernam yang merupakan adinda kepada Sultan Alauddin Mughayat Shah menentang pemerintahan kekandanya sebagai sultan Perak. Raja Bernam disokong oleh laksamana. Bagi pihak kerajaan Perak, penentangan terhadap Raja Bernam ini diketuai oleh Bendahara Megat Iskandar. Rujuk Megat Iskandar bin Megat Zaharuddin, *The Sultanate of Perak Based on the Genealogical Manuscript Maxwell 24*, hlm. 140.
- ⁴¹ Peperangan ini melibatkan serangan oleh Daeng Matteko dan Sutan Berkabat ke atas Perak. Pasukan tentera Perak menghadapi serangan musuh di Bukit Gantang. Pasukan ini diketuai oleh tiga orang Jeneral/Panglima Perang iaitu Raja Muda Iskandar, Raja Kimas dan Bendahara Megat Pendia. Rujuk Megat Iskandar bin Megat Zaharuddin, *The Sultanate of Perak Based on the Genealogical Manuscript Maxwell 24*, hlm. 108.
- ⁴² Contoh bagi negeri Perak – Raja Bendahara Mahmud memangku ketika kemangkatan Sultan Ahmaddin (1806); Raja Bendahara Ismail memangku ketika kemangkatan Sultan Ali (1871); Raja Bendahara Yusuf memangku ketika kemangkatan Sultan Iskandar (1938); Raja Bendahara Idris memangku ketika kemangkatan Sultan Abdul Aziz (1948); Bendahara C M Yusof memangku ketika kemangkatan Sultan Yusof (1963); Bendahara Osman Talib memangku ketika kemangkatan Sultan Idris II (1984); dan Bendahara Jen(B) Mohd Zahidi Zainuddin memangku ketika kemangkatan Sultan Azlan (2014)
- ⁴³ Baginda turut digelar Marhum Kota Tinggi apabila mangkat dibunuh oleh Megat Seri Rama, Laksamana Banten pada tahun 1699. Rujuk, Buyong Adil, *Sejarah Johor*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1980, hlm. 98.

⁴⁴ Marhum Sayong iaitu gelaran kepada Raja Bendahara Mahmud, memangku kerajaan Perak apabila Sultan Ahmaddin Shah mangkat tanpa melantik pengganti kepada Raja Muda Radin yang baru mangkat dibunuh oleh orang-orang Sai.

⁴⁵ Raja Bendahara Ismail memangku kerajaan, sementara menunggu Raja Muda Abdullah untuk hadir ke istiadat permakaman. Akibat ketidakhadiran Raja Muda, para pembesar mengangkat Raja Bendahara Ismail sebagai Sultan yang baharu.

⁴⁶ Putri Zanina binti Megat Zainuddin, *Megat Terawis, Orang Kaya Bendahara Paduka Raja of Perak: Journey to Our Roots*, hlm. 81 – 102.

⁴⁷ Merujuk kepada Sultan Muda Abdul Malik yang kemudiannya diangkat menjadi Sultan Abdul Malik Mansur Shah (1806-1825) (Sultan Perak ke-19). Rujuk Megat Iskandar bin Megat Zaharuddin, *The Sultanate of Perak Based on the Genealogical Manuscript Maxwell 24*, hlm. 153.

⁴⁸ Juga digelar Marhum Atiqullah Durian Sebatang (Sultan Perak ke-22). Rujuk, M A. Fawzi Basri, *Cempaka Sari: Sejarah Kesultanan Negeri Perak*; hlm. 48-49.

⁴⁹ Ibid. Raja Ismail adalah putera Raja Thith Hitam dari Siak dan Raja Mandak binti Sultan Ahmaddin Shah, Perak. Dianggap sebagai orang luar kerana berketurunan dari Siak sebelah bapa dan Perak di sebelah ibu. Rujuk Wynne, M.L., *Triad and Tabut: A Survey of the Origin and Diffusion of Chinese and Mohamedan Secret Societies in the Malay Peninsula AD 1800-1935*, Singapore: Government Printing Office, 1941.

⁵⁰ Beliau yang juga digelar Marhum Teja merupakan adinda kepada Raja Muda Jaafar yang mempunyai perselisihan dengan Sultan Abdullah Muhammad Shah I. Rujuk M A. Fawzi Basri, *Cempaka Sari: Sejarah Kesultanan Negeri Perak*.

⁵¹ Sepanjang pemerintahan baginda, beberapa lantikan Raja Bendahara telah dibuat. Pada tahun 1897, Raja Abdul Hamid (putera baginda dengan Che Ngah Manah) dilantik. Kemudian, pada tahun 1907, Raja Abdul Jalil (putera baginda dengan Raja Noteh Aishah) dilantik. Pada tahun 1914 pula, Raja Ngah Abu Bakar (putera Raja Omar Ibni Almarhum Sultan Ali yang juga merupakan menantu baginda) turut dilantik. Rujuk, M A. Fawzi Basri, *Cempaka Sari: Sejarah Kesultanan Negeri Perak*, hlm. 247.

⁵² Walaupun jawatan Raja Bendahara telah diwujudkan sejak zaman Sultan Iskandar Zulkarnain Shah (Sultan Perak ke-15), namun ianya bukanlah syarat wajib (*pre-requisite*) untuk menjadi Raja Muda. Sekiranya seorang anak raja itu pernah menjadi bendahara, harapannya lebih cerah untuk menjadi Raja Muda disebabkan pengaruhnya ketika menjadi bendahara. Selepas sultan Perak ke-15 sehingga tahun 1871, terdapat empat orang sultan Perak yang menaiki takhta dan tidak pernah menjawat jawatan bendahara. Baginda adalah Sultan Ahmaddin Shah, Sultan Abdul Malik Mansur Shah, Sultan Abdullah Muazzam Shah dan Sultan Ali Al-Mukammal Inayat Shah. Jawatan Raja Bendahara dianggap sebagai Bakal Raja Muda secara rasmi pada zaman penjajahan British dan dijelaskan di dalam Adat Lembaga yang diterbitkan pada tahun 1932. Rujuk Megat Iskandar bin Megat Zaharuddin, *The Sultanate of Perak Based on the Genealogical Manuscript Maxwell 24*, hlm. 134 - 136.

⁵³ Walaupun diterajui oleh Raja Bendahara, Residen British tetap mencampuri hal-hewal pelantikan sultan demi kepentingan British.

⁵⁴ *Laws of the Constitution of Perak Darul Ridzuan, Part II* (1953); Fasal VI, XX XXI, LXIII.

⁵⁵ Ibid.

⁵⁶ Ibid.

Rujukan

Adib Vincent Tung, *Titles and Ceremonial Traditions of the Royalty and Nobility of the State of Perak*, Ipoh: Perak Academy, 2018.

Buyong Adil, *Sejarah Perak*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1979.

Jelani Harun, *Umpama Sebuah Bahtera*, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, 2011.

Laws of the Constitution of Perak Darul Ridzuan, Part II (1953), Commissioner of Law Revision, 2008.

M.A. Fawzi Basri, *Cempaka Sari: Sejarah Kesultanan Negeri Perak*, Ipoh: Yayasan Perak, 1986.

Megat Iskandar bin Megat Zaharuddin & Raja Khuzairie Azaham bin Raja Azaham, *Salasilah Raja-Raja Perak: Berdasarkan Manuskrip Maxwell 24, 103 & 105*, Kuala Lumpur: Persatuan Darul Ridzuan, 2024.

Megat Iskandar bin Megat Zaharuddin, “Tun Saban: Warisan dan Kaitannya dengan Salasilah Pembesar Perak”, *Purba*, Jurnal Persatuan Muzium Malaysia, Bil. 36, 2017.

Megat Iskandar bin Megat Zaharuddin, *The Sultanate of Perak Based on the Genealogical Manuscript Maxwell 24*, Disertasi Sarjana, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2018, hlm. 18.

MS 40333(2), The Megat Family in Perak, Special Collections, School of Oriental & African Studies Library, London.

MS 40334, Miscellaneous Papers, Special Collections, School of Oriental & African Studies Library, London.

Muhammad Haji Salleh, dikaji dan diperkenalkan, *Sejarah Melayu (Sulalatus Salatin)*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2017.

Pinto, P. J. de S., *The Portuguese and the Straits of Melaka, 1575-1619: Power, Trade and Diplomacy*; Singapore: NUS Press & MBRAS, 2012.

Putri Zanina binti Megat Zainuddin, *Megat Terawis, Orang Kaya Bendahara Paduka Raja of Perak: Journey to Our Roots*, Kuala Lumpur: Persatuan Keturunan Megat Terawis Malaysia, 2016.

Tun Suzana Tun Hj Othman, *Institusi Bendahara: Permata Melayu Yang Hilang*, Kuala Lumpur: Pustaka BSM Enterprise, 2002.

Wilkinson, R.J., *Papers on Malay Subjects*, Kuala Lumpur: FMS Government Press, 1908.

Winstedt, R.O. & Wilkinson, R.J., *A History of Perak*, Singapura: Press Limited, 1934.

Wynne, M.L., *Triad and Tabut: A Survey of the Origin and Diffusion of Chinese and Mohamedan Secret Societies in the Malay Peninsula AD 1800-1935*, Singapore: Government Printing Office, 1941.